
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

SAU315 – Masyarakat Maklumat

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **KEEMPAT-EMPAT** soalan.

1. Jawab kedua-dua bahagian dalam soalan ini.
 - i. "Masyarakat maklumat" sering didefinisikan dengan menggunakan lima aspek. Apakah aspek-aspek tersebut? Bincangkan satu daripada aspek ini dan berikan kelemahan-kelemahannya.
(10 markah)
 - ii. Menurut Webster, adalah tidak tepat membincangkan "masyarakat maklumat" daripada lima aspek ini. Mengapa? Apakah alternatif yang dimajukan oleh beliau? Mengapa?
(10 markah)
2. Bincangkan kesan perkembangan kapitalisme ke atas pengeluaran, pengagihan dan penggunaan maklumat serta kesannya terhadap masyarakat. Anda perlu memberikan hujah-hujah daripada tokoh-tokoh berkaitan.
(20 markah)
3. Pilih TIGA (3) daripada enam pernyataan di bawah dan bincangkan.
 - i. Sempadan antara manusia dan teknologi semakin pudar dan budaya semakin pantas diteknologikan.
(10 markah)
 - ii. Terdapat banyak tanda yang dikomunikasikan hari ini tetapi tidak membawa apa-apa makna.
(10 markah)
 - iii. Maklumat hari ini adalah sama seperti ubat gigi, bijirin sarapan pagi dan kereta; ia semakin dijual dan dibeli.
(10 markah)
 - iv. Pengiklanan merupakan seni rasmi sistem kapitalisme.
(10 markah)
 - v. Pertambahan dalam produktiviti merupakan kunci dalam perubahan masyarakat.
(10 markah)
 - vi. Sfera publik hari ini bukan lagi ruang untuk perdebatan bagi kepentingan bersama tetapi merupakan ruang "pertunjukan" kuasa.
(10 markah)

4. Pilih DUA (2) daripada lima soalan di bawah dan jawab.
- i. Bincangkan bagaimana perkembangan teknologi komunikasi memberi dimensi baru dan berbeza kepada konsep “komuniti”. Apakah perbezaan komuniti jenis ini dengan definisi awal konsep tersebut?
(15 markah)
 - ii. Dengan mengambilkira berita sebagai sumber maklumat, bandingkan idea-idea ahli pascamodernisme seperti Baudrillard dengan ahli-ahli modernis seperti Habermas dalam melihat sumber maklumat tersebut.
(15 markah)
 - iii. Bincangkan proses pengosongan makna hubungan sosial (“emptying of meanings of social relations”) dan pengisian makna (“filling up meanings”) dalam produk/barangan yang dihasilkan dalam sistem kapitalisme.
(15 markah)
 - iv. Apakah yang membezakan pengawasan dalam masyarakat yang ringkas dengan pengawasan dalam masyarakat yang kompleks? Mengapakah pengawasan yang berlaku di dalam masyarakat yang kompleks membolehkan kebebasan ahli masyarakat tersebut terjamin?
(15 markah)
 - v. Mengapakah revolusi maklumat gagal menghapuskan ketidaksamaan kelas dalam masyarakat? Mengapakah ia juga membawa kepada fenomena pergantungan maklumat di peringkat global?
(15 markah)

